



**CUKAI JUALAN 2018**

**PANDUAN PERMOHONAN PELANJUTAN TEMPOH  
EKSPORT DI BAWAH SEKSYEN 40 AKTA CUKAI  
JUALAN 2018 DAN PERINTAH CUKAI JUALAN  
(ORANG YANG DIKECUALIKAN DARIPADA  
PEMBAYARAN CUKAI) 2018**

**Diterbitkan Oleh :**

**Jabatan Kastam Diraja Malaysia**

**Bahagian Cukai Dalam Negeri**

**Putrajaya**

## 1. PENDAHULUAN

- 1.1. Panduan ini disediakan sebagai rujukan kepada industri dalam membuat permohonan pelanjutan tempoh eksport bagi pulang balik cukai jualan di bawah seksyen 40 Akta Cukai Jualan 2018 dan butiran tertentu di bawah Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018 (PCJ(P) 2018).
- 1.2. Panduan ini meliputi permohonan pelanjutan tempoh eksport seperti di bawah:
  - 1.2.1. Peraturan 17, Peraturan-Peraturan Cukai Jualan 2018 (PPCJ 2018);
  - 1.2.2. Butiran 57 Jadual A PCJ(P) 2018;
  - 1.2.3. Butiran 4 Jadual B PCJ(P) 2018; dan
  - 1.2.4. Butiran 1 dan 3 Jadual C PCJ(P) 2018
- 1.3. Pelanjutan tempoh eksport yang melibatkan butiran 33, 34, 35, dan 51 Jadual A PCJ(P) 2018 hendaklah dikemukakan ke Bahagian Perkastaman di zon/negeri yang mengawal.

## 2. KETERANGAN AM

- 2.1. Seksyen 40 Akta Cukai Jualan 2018 membenarkan pulang balik bagi keseluruhan amaun cukai jualan yang dibayar oleh seseorang berkeenaan dengan barang bercukai yang kemudiannya dieksport oleh orang itu dari Malaysia dan tertakluk kepada peraturan 17, PPCJ 2018.
- 2.2. Perenggan 17 (1)(a) PPCJ 2018 menetapkan syarat barang bercukai itu hendaklah dieksport dalam tempoh tiga (3) bulan atau apa-apa tempoh yang telah diluluskan oleh Ketua Pengarah Kastam.
- 2.3. Butiran 57 Jadual A PCJ(P) 2018 diberikan kepada mana-mana orang yang menjalankan aktiviti perdagangan untuk barang-barang yang dikilangkan oleh pengilang berdaftar, gudang pengilangan berlesen, pengilang di dalam

kawasan zon perindustrian bebas bagi tujuan eksport atau diangkut keluar ke kawasan ditetapkan atau kawasan khas tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.

- 2.4. Butiran 4 Jadual B PCJ(P) 2018 diberikan kepada pengilang yang mengilang barang yang dikecualikan daripada cukai untuk tujuan eksport tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.
- 2.5. Butiran 1 Jadual C PCJ(P) 2018 diberikan kepada pengilang berdaftar yang mengilang barang siap bercukai jualan atau barang yang dikecualikan daripada cukai jualan untuk tujuan eksport tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.
- 2.6. Butiran 3 Jadual C PCJ(P) 2018 diberikan kepada orang yang dilantik oleh pengilang berdaftar yang mengilang barang siap bercukai jualan atau barang yang dikecualikan daripada cukai jualan untuk tujuan eksport tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.
- 2.7. Peraturan dan butiran-butiran ini telah menetapkan barang-barang tersebut hendaklah dieksport/diangkut dalam tempoh masa tertentu selepas tarikh pengimportan/pembelian seperti dalam jadual di bawah:

<b>Perkara</b>	<b>Tempoh Eksport Asal Yang Diperuntukkan (Bulan)</b>
Pulang balik	3
Butiran 57 Jadual A	6
Butiran 4 Jadual B	12
Butiran 1 Jadual C	12
Butiran 3 Jadual C	12

- 2.8. Walau bagaimanapun, penganjutan tempoh eksport boleh dibuat sekiranya barang tidak dapat dieksport mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan.

### 3. TATACARA PERMOHONAN PELANJUTAN TEMPOH EKSPORT

- 3.1. Permohonan hendaklah dikemukakan **sebelum tamat tarikh** eksport/ diangkut ke kawasan khas/ kawasan ditetapkan.
- 3.2. Syarikat hendaklah menghantar dokumen-dokumen berikut kepada pegawai di Bahagian/Cawangan Kawalan Kemudahan, Cukai Dalam Negeri di zon/negeri:
  - 3.2.1. Surat permohonan menggunakan kepala surat syarikat dengan menyatakan maklumat seperti berikut:
    - i. Deskripsi dagangan;
    - ii. Kuantiti;
    - iii. Maklumat Borang Kastam No. 1 atau Borang Kastam No. 9 atau invois daripada pengilang berdaftar;
    - iv. Nombor sijil pengecualian cukai jualan; dan
    - v. Justifikasi permohonan lanjutan.
  - 3.2.2. Salinan dokumen pengimportan atau pembelian.
- 3.3. Permohonan lanjutan tempoh eksport yang melibatkan pulang balik cukai jualan hendaklah dikemukakan kepada Bahagian CDN zon/ negeri di mana pemohon beroperasi atau di mana premis perniagaannya berada.
- 3.4. Permohonan lanjutan tempoh eksport yang melibatkan butiran pengecualian cukai jualan hendaklah dikemukakan kepada Bahagian CDN yang mengawal dengan merujuk kepada kod stesen yang dinyatakan dalam sijil pengecualian.

### 4. LAIN-LAIN

Surat kelulusan lanjutan tempoh eksport hendaklah disertakan semasa syarikat membuat permohonan pulang balik ke Cawangan Perakaunan Hasil (CPH) negeri.